

09/09/2003

Pembangking pesong tanggungjawab siswa

Badrila Jamlus; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan mendapati ada kecenderungan pihak pembangkang cuba mengalih minat pelajar universiti kepada politik, sekaligus menghilangkan tumpuan mereka kepada pembelajaran.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed berkata, kerajaan mahu melihat pelajar terbabit menumpukan perhatian kepada pelajaran dan tidak terpengaruh kepada perjuangan parti politik semata-mata.

Bagaimanapun, beliau berkata pihaknya tidak menerima laporan ada kumpulan yang prokerajaan atau pembangkang yang menerajui pilihan raya mana-mana universiti baru-baru ini.

"Kita tidak menggalakkan penubuhan ideologi sama ada prokerajaan atau pembangkang ketika pilihan raya universiti, tetapi kempen yang dijalankan pelajar harus menumpukan perjuangan kebajikan pelajar kampus," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pelajar perlu menumpukan perhatian kepada pelajaran dan tidak terpengaruh dengan politik pembangkang kerana mereka menggunakan wang rakyat.

Perdana Menteri kesal apabila ada pelajar yang disifatkannya 'kumpulan yang tidak mahu belajar' menang pada pilihan raya kampus di Universiti Malaya.

Musa berkata, perkara itu berlaku mungkin disebabkan kecenderungan segelintir pelajar yang menjadi calon pilihan raya mengadakan kempen politik.

Beliau berkata, jika kumpulan pelajar yang dipengaruhi pembangkang memenangi pilihan raya kampus ia adalah perkembangan sihat, tetapi pelajar terbabit tidak seharusnya melupakan tanggungjawabnya kepada pelajaran.

Katanya, kementerian tidak bercadang menghapuskan pilihan raya kampus kerana ia termaktub dalam Akta Universiti dan Kolej sebagai pendedahan kepada pelajar untuk membimbing pelajar lain.

Bagaimanapun, beliau menyifatkan perjalanan politik pelajar di negara ini belum matang berbanding universiti di negara lain kerana tidak memihak kepada mana-mana parti politik tetapi lebih menumpukan isu dalam kampus.

"Saya bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa pelajar yang ingin berpolitik boleh meneruskan usaha itu selepas tamat mengikuti pengajian di universiti dan bukan ketika sedang belajar," katanya.

Beliau turut menyifatkan pilihan raya universiti adalah perkara kecil dan bukan pilihan raya negara serta menyerahkan tugas mengadakan pilihan raya itu kepada universiti berdasarkan peruntukan sedia ada.